



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI EKSPLO PRODUK PERKAYUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPERNA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2021

Bandar Seri Begawan, Khamis, 4 Sya'ban 1442H bersamaan 18 Mac 2021 Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan telah menganjurkan Ekspo Produk Perkayuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Hari Hutan Antarabangsa 2021.

Ekspo selama empat hari bermula hari ini telah dirasmikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, Pemangku Pengarah Perhutanan, sebagai Pengerusi Majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa. Seterusnya majlis diteruskan dengan ucapan kata-kata aluan dari Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim. Dalam ucapannya mengatakan ... **(Teks kata-kata aluan seperti yang disertakan)**.

Majlis kemudian menyaksikan perasmian Ekspo Produk Perkayuan 2021 oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab yang seterusnya melawat petak-petak pameran daripada Jabatan Perhutanan, Jabatan Kemajuan Perumahan dan syarikat-syarikat pembuatan produk perkayuan tempatan. Ini termasuk syarikat-syarikat perkilangan papan, syarikat hiliran perkayuan dan pengusaha belia tempatan yang menghasilkan produk hiliran perkayuan seperti perabot, pintu dan kraftangan. Turut disaksikan adalah produk-produk perabot kayu tempatan yang dipertandingkan bagi Pertandingan Membuat Perabot Kayu sempena Hari Hutan Antarabangsa 2021 yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan membuat perabot kayu ini akan diadakan pada 21 Mac 2021.

Orang ramai berpeluang untuk menyaksikan produk-produk perkayuan tempatan yang berlangsung di Dewan Atrium, Airport Mall, Berakas. Ekspo terbuka untuk orang ramai selama empat hari bermula 18 hingga 21 Mac 2021.

/TAMAT.

Di keluarkan oleh:
Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 18 Mac 2021M